

PELITA



BRUNEI

Tahun 2. No. 21

DITERBITKAN OLEH PEJABAT PENERANGAN  
KERAJAAN BRUNEI  
DUA KALI SABULAN

15 December, 1957.



DPM Maulana Al-Sultan, Mr Omar Ali Saifuddin D.K.; S.M.P.B.; K.C. M.G.  
Sultan Negeri Brunei, kelihatan sedang bertitah dalam satu Majlis Minuman  
Teh yang telah di-adakan di-halaman Istana Darul-Hana baharu2 ini.

- GBIS Photo -



Sekolah tinggi Perempuan di-Bandar Brunei di-beri nama baharu menjadi

SEKOLAH TINGGI PEREMPUAN RAJA ISTERI

DYMM Al-Sultan sukachita mempersetujui bahawa Sekolah Tinggi Perempuan yang bertempat di-Bandar Brunei di-beri nama "Sekolah Tinggi Perempuan Raja Isteri" mulai dari 1 hbl. January, 1958.

Sekolah tersebut telah pun sudah dapat di-gunakan untuk budak2 sekolah kira2 pertengahan tahun ini, walaupun sabahagian dari bangunan itu maseh dalam pembina'an. Walau pun bagaimana, bangunan yang genap sekolah ini di-jangka akan siap sabelum Hari Raya Puasa tahun hadapan.

Kita di-fahamkan bahawa di-sekolah ini juga akan terdapat tempat tinggal bagi 100 orang murid lengkap dengan bilek2 tempat memasak, menyuchi kain dan bilek makan. Bilek2 bacah'an, Perubatan serta tempat tinggal guru2 dan pengetua sekolah itu juga akan terdapat di-bangunan itu.

Selanjut-nya di-fahamkan bahawa sekolah ini ada mempunyai perhubungan dengan SOAS College dan dari itu pingat2 yang akan di-pakai oleh murid2 di-sini ada-lah sama dengan yang di-pakai oleh murid2 di- SOAS College kechualai warna lambang-nya gadong, manakala warna lambang SOAS College merah.

Bangunan Sekolah Tinggi Perempuan Raja Isteri ini memakan belanja hingga \$1,200,000.

SEKOLAH PEREMPUAN DI-KAMPONG AYER

Keraja'an Negeri Brunei akan terus membenakan bangunan sekolah2 di-mana juga di-fikirkan layak di-adakan asalkan tujuan-nya menyenangkan rakyat dan mendatangkan

nafa'at terutama-nya kepada yang ingin mempunyai pelajaran dan pengetahuan.

Dengan hal yang demikian maka Kerajaan Brunei, pada tahun hadapan ini akan membena sa-buah sekolah khas untuk budak2 perempuan di-Kampung Ayer.

Bangunan ini nanti di-anggar akan dapat memuat budak2 sekolah seramai 500 orang, dan akan memakan perbelanja'an lebih kurang \$325,000.000.


Sekolah perempuan di-Kampung Ayer ini ia-lah chawangan dari Sekolah Melayu Raja Isteri Fatimah, Brunei.





Dalam gambar ini kelihatan DYMM Sultan Brunei sedang berchakap2 dengan Saudara A.M. Azahari (Ketua Ummu Partai Rakyat Brunei) tatkala Baginda mengadakan satu Majlis Jamuan Teh di halaman Istana Baginda pada petang 23 hbl. November, 1957.

Gambar bawah: Sabahagian dari para hadirin dalam majlis tersebut.



-----oo-----

#### PENGIRAN MUDA HASSAN AL-BULKIAH DENGAN PALANG MERAH

Pang Teramat Mulia Pengiran Muda Hassan Al-Bulkiah kelihatan dalam gambar ini sedang ashek memerhatikan upacara yang sedang di-jalankan oleh ahli2 Pasokan Palang Merah British, Bahagian Bandar Brunei di-hadapan bangunan Pejabat2 Kerajaan pada pagi 29 hari bulan November, 1957.



Perkenalan: Dudok dari kiri ka kanan - Pesuruh Jaya Perkembangan Negeri Brunei, Mr. L.R. Bevington; Y.T.M. Pengiran Muda Muhammad Bulkiah; British Resident, Brunei, Y.B. Mr. J.O. Gilbert; Y.T.M. Pengiran Muda Hassan Al-Bulkiah; Y.T.M. Seri Paduka Duli Pengiran Pemanah; dan Penyimpan Wang Negeri Brunei Y.B. Mr. E.W. Cousens.



✓ GUBERNOR SARAWAK BALEK SALEPAS BERCHUTI DI-U.K.

Baharu2 ini telah melawat ka-Brunei

Tuan Yang Terutama Sir Anthony F. Abell, Gubernur Negeri Sarawak dan juga menjadi Pesuruh Jaya Tinggi bagi Negeri Brunei, telah selamat tiba di-lapangan kapal terbang, Kuching pada 27 hbl. November, 1957 setelah berada di-United Kingdom selama kira2 dua bulan kerana berchuti; dan baharu2 ini beliau telah melawat Brunei sachara rasmi, dan ketiba'an-nya telah di-sambut dengan penoh meriah.

Di-lapangan kapal terbang di-Kuching waktu Tuan Yang Terutama itu tiba salepas berchuti telah di-temui oleh Pegawai Pentadbiran Kerajaan Negeri Sarawak, Tuan J.H. Ellis dan Pemangku Chief Secretary Negeri Sarawak, Tuan J.C.H. Barcroft (beliau ini pernah menjadi Resident di-Brunei) serta Pegawai2 kanan Negeri Sarawak.

Sabelum Tuan Yang Terutama itu berangkat ka-Istana-nya di-Bandar Kuching, beliau telah memereksa satu isti'adat barisan kehormatan dan telah juga di-temui oleh Ahli2 Mashuarat Negeri, dan Ketua2 Pejabat .

Dalam lawatan Tuan Yang Terutama ini ka-Brunei baharu2 ini, beliau telah dapat mengunjongi DYMM Maulana Al-Sultan di-Istana Darul Hana dan telah di-ra'ekan dalam majlis2 cocktail party dan makan tengah hari. Lawatan beliau ka-Brunei ini merupakan satu lawatan rasmi.

Beliau telah tiba di-lapangan kapal terbang Brunei pada 9 hbl. December, 1957 kira2 jam 2.55 petang, dan di-sini sabelum bertolak terus ka-Muara Lodge di-Muara, ia telah memereksa satu barisan kehormatan yang terdiri dari Pasokan Police Brunei dengan di-ketuai oleh A.S.P. Pengeran Jaya.

Dalam masa berada di-Brunei, beliau telah melawat ka-Pejabat2 Kerajaan di-Bandar Brunei, dan telah menghadziri jamuan makan tengah hari di-Residency dan Cocktail Party di-Istana.

Berhenti dan menjawat jawatan yang sama

Tuan D.L. Bruen, yang telah berhenti dari jawatan-nya sabagai Penolong Resident bertempat di-Bandar Brunei sejak dari 5 hbl. December, 1957 telah memangku jawatan Penolong Resident di-Belait, Mr G.L. Thomas yang pada masa ini sedang berchuti di-United Kingdom mulai dari tarikh itu juga. Tuan Bruen memangku samentara jawatan tersebut sahingga kedatangan Tuan T.N. Ainsworth yang akan menjadi Penolong Resident baharu bertempat di-Kuala Belait.

Samentara itu jawatan Tuan Bruen sabagai Penolong Resident di-Bandar Brunei telah di-pangku oleh Tuan R.H. Morris, siapa yang telah memangku samentara jawatan Tuan E.R. Bevington sapeninggal-nya berchuti di-U.K. dan telah kembali ka-Brunei memangku jawatan-nya semula sabagai Pesuruh Jaya Perkembangan Negeri Brunei mulai 28 hbl. November, 1957.

Tuan Yang Terutama Sir Anthony F. Abell ini telah berada di-Brunei selama dua hari, dan telah terbang balek ka-Kuching pada 12 hbl. December, 1957.





Upacara Pertunjukan Berbaris dan Pertolongan Chemas Palang Merah, Bandar Brunei dan juga isti'adat menyampaikan Sijil2 Penerima'an Ahli2 Baharu telah berlangsung pada 29 hbl. November, 1957. di-hadapan Bangunan Pejabat2 Kerajaan Negeri Brunei.

Gambar atas: YTM Seri Paduka Duli Pengeran Bendahara sedang memeriksa Barisan Kehormatan terdiri dari Ahli2 Pasukan Palang Merah British, Bandar Brunei. Berjalan di-sambel YTM itu ia-lah Commandant Pasukan Palang Merah, Inche' Abdul Rahman bin Rahmat.

Gambar bawah: Pertolongan Chemas sedang di-tunjukkan oleh ahli2 wanita P.M. sedang di-perhatikan dengan teliti oleh dari kiri - Che' Osman bin Haniff (Guru Darjah Pertolongan Chemas P.M.), Inche' Abd. Ghani bin Jamil (Pengaroh Pasukan P.M.) dan Matron W.A.B. Holland dari Rumah Sakit Besar Kerajaan Brunei. - gambar GBIS -





TAYANGAN WAYANG GAMBAR PEJABAT PENERANGAN

Dua orang Iban dan sa-orang China di-pinjara kerana

HENDAK MEMBUNOH dan  
MEROMPAK

Dua orang Iban, Mariam anak Sanda (lelaki) yang berumur 28 tahun dari Mukah, Sarawak dan Jantan anak Saran (juga di-kenali sabagai Clemput) yang berumur 18 tahun dari Song, Sarawak masing2 telah di-hukom penjara berkerja keras selama 6 dan 5 tahun kerana menchoba hendak membunuh sa-orang China yang bernama Cheok Chin Hong atau lebih di-kenal sabagai Towkeh Babi yang diam di-Kampung Kianggeh, Brunei. Kejadian itu berlaku pada 28 hbl.

November, 1957 kira2 jam 1.50 pagi, dan pembichara'an telah berlangsung pada 10 hbl. November, 1957, di-Mahkamah Besar Negeri Brunei. Tuan Hakim L.D. Smith yang telah tiba dari Kuching sehari sebelum pembichara'an itu di-jalankan telah menghakimkan pembichara'an tersebut.

Iban2 ini telah tinggal di-Brunei beberapa tahun yang lalu, dan pada malam berlaku-nya peristiwa itu pihak Police telah berjaya menangkap-nya dan terus di-tahan untuk menjalankan penyiasatan perlu terhadap laku Iban2 yang kejam itu. Mereka telah mengaku salah atas perbuatan-nya itu.

Semasa pembichara'an itu di-jalankan, Timbalan Penasehat Undang2 Negeri Brunei, Tuan D.B. Macgilligan bagi pihak yang berkuasa telah menghadapi penda'wa'an2. Keterangan2 telah di-berikan oleh Stipendiary Magistrate, Tuan R.G.P.N. Combe dan Pegawai Perubatan Kerajaan di-rumah sakit di-Bandar Brunei, Dr Jap Kon Seong M.B.B.S. (London).

Sabelum menjatohkan hukoman, Hakim Smith menegaskan bahawa kedua2 orang salah itu telah melakukan perbuatan yang kejam. Nasib baik, beliau menyambong kata, Cheok Chin Hong itu kalau menurut penjelasan Doktor Jap tidak mati, dan sekarang berangsur sembuh dari azab akibat tikaman di-dada si-malang menerusi paru2-nya yang telah di-lakukan oleh Iban2 itu.

Tuan Hakim L.D. Smith telah menjatohkan hukoman penjara 6 tahun dengan berkerja berat kapada Mariam anak Sanda dan 5 tahun penjara juga dengan berkerja berat kapada Jantan anak Saran. Hakim Smith menutup kata bahawa mereka boleh memohonka ulang bichara kapada pihak yang berkuasa jika mereka menghendaki-nya.

Di-bawah ini ia-lah Jadual Waktu Tayangan Wayang Gambar Jabatan Penerangan Kerajaan Brunei untuk Daerah2 Brunei, Muara dan Tutong mulai dari 16 hbl. hingga penghujung December, 1957 ini:-

Pada malam 16 hbl. December - di-Kampung Pemancha Lama, Brunei; 18 hbl. December - di-Pusat Ter-nakan Binatang Jerudong; 19 hbl. December - di-kawasan Rumah Sakit Kerajaan, Bandar Brunei; 21 hbl. December - di-Kampung Lurong Dalam Brunei dan pada malam 23 hbl. December - di-kawasan Penjara di-Jerudong.

Tiap2 tayangan wayang tersebut akan be mula pada pukul 7.00 petang.



- sambongan dari muka 6 -

Sa-orang China di-penjara..

Pembichara'an terhadap sa-orang China yang bernama Lee Tze Phin dan juga mempunyai nama yang lain sabagai John Lee telah juga berlangsung di-hadapan Tuan Hakim L.D. Smith bertempat di-Mahkamah Besar Negeri Brunei. Pembichara'an ini di-langsungkan pada 11 hbl. December, 1957.

John Lee telah di-tangkap oleh pihak Police yang di-ketuai oleh Inspector B.M.J. Carvalho kerana mempunyai sa-bilah pistol automatic (.45) di-rumah tumpangan Bee Hiong Nombor 53, Jalan Sultan di-Bandar Brunei.

John Lee napikan yang pistol tersebut kepunya'an-nya dan menegaskan bahawa pistol ini di-punyai oleh orang lain. Dari sebab itu ia tidak mengaku salah.

Walau pun bagaimana, John Lee telah memiliki pistol itu dengan tidak ber-lisen dan dengan hal yang demikian mungkin, Pelita Brunei memahami satu perbuatan burok di-lakukan.

Penjara selama 4 bulan termasuk 16 hari yang ia telah di-tahan dalam penjara di-jatuhkan kepada John Lee dan sabagaimana Tuan Hakim perentahkan pistol itu di-rampas tetapi bek pakaian kepunya'an Lee itu di-kembalikan.

John Lee ia-lah sa-orang saudagar di-peranakkan di-Kudat, Borneo Utara dan sa-lama ia menjalankan pekerjaan-nya ada-lah di-fahamkan berulang alek di-antara Singapura dan B. or B. to British.

WAKIL2 BRUNEI KA-HONGKONG SUDAH  
BALEK

Empat orang wakil2 dari Brunei yang telah menghadziri Persidangan Pemuda-Pemudi sa-Dunia yang bertempat di-Hongkong dan telah berlangsung baharu<sup>ini</sup>2/telah tiba di-Brunei pada 12 hbl. yang lalu.

Mereka2 itu ia-lah Pengeran Puteh yang mengetuai rombongan itu, Che' gu Md. Sum, Dayangku Intan dan Inche' Wally Skinner.

Di-fahamkan bahawa selama mereka berada di-Hongkong bukan sahaja memperoleh kesan2 berupa pengetahuan dari Persidangan itu sendiri bahkan lebeh2 pula dari lawatan2 mereka sabanyak sadikit ka-tempat2 yang berfa'edah, terutama ka-kelang2 tempat membuat stokin dan barang2 di-buat dari salang. Agak-nya mereka memahami, Hongkong ada-lah sa-buah negara yang ma'mor dan segala barang2 terdapat di-sana kebanyakan-nya yang di-buat di-situ juga.

Sa-orang dari wakil2 itu mengatakan di-Hongkong tidak-lah terdapat satu pun partai politic melainkan yang mereka utamakan di-sana ia-lah "badan2 welfare", yang sudah samesti-nya mendatangkan kebaikan kepada Negara itu saperti apa yang kita dapat saksikan sakarang.

Cheramah IBU mendapat sambutan  
Yang Baik

Ikatan Budaya Melayu Brunei telah berjaya mengadakan satu majlis cheramah pada 13 hbl. December yang lalu ini bertempat di-Dewan Jabatan Pengerangan Keraja'an Brunei. Majlis ini telah di-hadziri oleh ramai bilangan.

IBU berharap akan dapat lagi mengadakan cheramah pada masa hadapan dan menyeru supaya ramai lagi bilangan hadzirin akan dapat bersama menimati cheramah2 dari berbagai2 tajok.



PERKHIDMATAN KERETA2 MEMUAT PENUMPANG2 K. BELAIT/SEMPADAN

Keraja'an buka peluang kepada rakyat Brunei.

Keraja'an Negeri Brunei sedang membukakan peluang kepada orang ramai untuk menjalankan perkhidmatan2 membawa penumpang2 di-antara Kuala Belait dan Sempadan Sarawak/Brunei. Pertimbangan istimewa akan di-berikan kepada orang2 atau sharikat2 perniagaan dalam Negeri Brunei.

IKATAN BUDAYA AKAN MENGADAKAN  
"HARI IBU"

Ikatan Budaya Melayu Brunei akan mempersembahkan pada julong2 kali dalam sejarah Brunei, Pesta Kebudayaan seluruh Negeri Brunei tidak berapa lama lagi. Demikian di-fahamkan dari salah satu keputusan Mashuarat Jawatan Kuasa Tadbir IBU, yang telah berlangsung pada 14 hbl. December yang lalu bertempat di-Dewan Jabatan Penerangan Keraja'an Brunei.

Mashuarat ini juga telah memutuskan akan menghantar dua orang wakil IBU sebagai pemerhati di-Konggeris Kebudayaan yang akan di-adakan di-Melaka, Persekutuan Tanah Melayu pada penghujung bulan ini. Wakil2 tersebut akan di-beri tahukan nama-nya nanti, dan walau pun demikian mereka itu ada-lah terdiri dari sa-orang lelaki dan sa-orang wanita.

Di-fahamkan bahawa IBU akan juga mengadakan "HARI IBU" untuk mengutip derma bagi menghantar wakil2 tersebut dan ini telah di-chadangkan akan bertempat di-sa-buah panggong wayang di-Bandar Brunei sedikit hari lagi.

Sa-buah Jawatan Kuasa "HARI IBU" telah di-bentuk.

Ada-lah di-ma'lumkan, sa-siapa yang akan memasoki peluang ini boleh-lah mendapatkan borang2 perminta'an dari Pengarah Jabatan Keindera'an Jalan Raya di-Brunei atau dari Timbalan Pengarah Jabatan Keindera'an Jalan Raya di-Kuala Belait.

Permohonan2 hanya akan dapat di-layani salewat2-nya pada 30 hbl. December, 1957. Nama2 pemohon, alamat2 dan anggaran perbelanja'an mengenai hal tersebut hendak-lah di-sebutkan dalam borang itu. Banyak penumpang2 dan jadual perjalanan dan tambang-nya juga hendak-lah di-sebutkan dalam borang yang sama.

Segala perminta'an2 hendak-lah di-alamatkan terus kepada Pengarah Keindera'an Jalan Raya di-Bandar Brunei, dan surat2 itu hendak-lah memakai pos register dan di-atas sampul surat itu hendak-lah di-tuliskan perkata'an "PERKHIDMATAN KERETA2 MEMUAT PENUMPANG2".